



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 46

21 November 2002

No. 24

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

No. 294.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Encik Ismail yang beralamat di atas tidak dikesan, tuan punya tanah/tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan supaya membayar di Pejabat Tanah Seberang Perai Selatan, 14200 Sungai Jawi, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik—I.R. (Daftar Sementara); Mukim—9, No. Lot/P.T.—Lot 1751; Hasil Tahun Ini—RM12.00; Hutang Dari Tahun-tahun Yang Lepas—RM171.90; Bayaran Dan Lain-lain Yang Kena Sebagai Hasil—RM561.91; Bayaran-bayaran Terhutang—RM3.60 (Notis 6A); Jumlah Kena Dibayar—RM749.41 dan RM10.00 (RM759.41)

Bertarikh 23 Oktober 2002.

[PTSPS/F/160(250/2000).]

HAJAH ROHANI BINTI HASSAN,
Penolong Pentadbir Tanah,
Seberang Perai Selatan

No. 295.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan di atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim 10, Seberang Perai Selatan; No. Lot/P.T.—Lot 569; Luas—0.013 Ekar; Jenis dan No. Hakmilik—1R.

Bertarikh 10 September 2002.

[PTSPS/F/160/44/97.]

HAJAH ROHANI BINTI HASSAN,
b.p. Pentadbir Tanah,
Seberang Perai Selatan

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

21 Nov. 2002]

547

No. 296.

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran bagi Geran Mukim No. GM. 263 Mukim E, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang telah didapati hilang.

JADUAL

Mukim—E; Lot—385; Jenis dan No. Hakmilik—GM 263

Bertarikh 30 Oktober 2002.
[PTBD/P/46/Jld. 3(40).]

HAJI FADZIL BIN MUSTAFA,
b.p. Pentadbir Tanah,
Daerah Barat Daya
Pulau Pinang

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

No. 297.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Seberang Perai Utara; Mukim/Bandar—Seksyen 3, Bandar Butterworth

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Lebih kurang	
			Luas Lot METER PERSEGI	Luas yang hendak Diambil HEKTAR
4003 (Lot Baru X8, X9 & X10	Geran 46008	Chainferry Development Sdn. Bhd.—Kesemua Gadaian Persn. No. 1917/76 Jilid No. 85 Folio 12. Tanah	132,506 (23.4685 ekar)	1.6094 (3.977 ekar)

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

548

[21 Nov. 2002]

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil
			METER PERSEGI	HEKTAR
		digadai oleh Chainferry Development Sdn. Bhd. kepada The United Malayan Banking Corporation Bhd. Didaftarkan pada 27 Februari 1976 pada pukul 2.57 petang		
		Gadaian Persn. No. 5805/77 Jilid No. 109 Folio No. 117 Tanah digadai oleh Chainferry Development Sdn. Bhd. kepada The United Malayan Banking Corporation Bhd. Didaftarkan pada 1 Ogos 1977 pada pukul 2.35 petang		

Bertarikh 31 Oktober 2002.

[PTG/PT/SPU/486; PTB/B/691.]

AHMAD PHESAL BIN TALIB,
Pesuruhjaya

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA